

**1. Sistem Parol (Akta Penjara 1995, Seksyen 46A(d))**

Definisi Sistem Parol: Pelepasan seseorang banduan untuk menjalani mana-mana bahagian hukuman pemenjarannya di luar penjara menurut suatu Perintah Parol.

(a) Lembaga Parol (Seksyen 46B, Akta Penjara 1995)

Pelantikan keanggotaan Lembaga Parol oleh Yang di-Pertuan Agong (YDPA) adalah bagi tempoh tiga (3) tahun dan boleh dilantik semula seperti berikut:

- (i) Seorang (1) Pengerusi (anggota Kehakiman dan Perundangan);
- (ii) Seorang (1) Pegawai Kanan Penjara;
- (iii) Seorang (1) Pegawai Kanan Polis;
- (iv) Seorang (1) Pegawai Kanan Kebajikan; dan
- (v) Tiga (3) orang awam.

**2. Pelepasan Banduan Secara Lesen (Akta Penjara 1995, Sek. 43 (1))**

“Tertakluk kepada mana-mana peraturan yang dibuat oleh Menteri, Komisioner Jeneral boleh, pada bila-bila masa jika difikirkan patut, melepaskan secara lesen atas apa-apa syarat sebagaimana yang dinyatakan dalam lesen, seseorang banduan yang sedang menjalani apa-apa tempoh pemenjaraan.”

(a) Peraturan-Peraturan Penjara 2000 (Peraturan 111 (1). Pelepasan Banduan Secara Lesen (Pindaan 2020) (P.U.(A) 121))

- (i) Komisioner Jeneral boleh, menurut budi bicaranya, melepaskan seseorang banduan yang sedang menjalani apa-apa tempoh pemenjaraan secara lesen bagi apa-apa tempoh dan atas apa-apa syarat yang difikirkannya patut dikenakan; dan

- (ii) Syarat-syarat ketidakhadiran dan bentuk lesen hendaklah pada keseluruhannya sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual Kedua.

### **3. Perintah Kehadiran Wajib (PKW) (Akta Kehadiran Wajib Pesalah-Pesalah 1954)**

Definisi PKW: “Apa-apa kerja buruh, tugas, kerja atau kursus pengajaran yang diperintah oleh Pegawai Pusat Kehadiran Wajib untuk diaku janji oleh pesalah tersebut”.

Suatu perintah mahkamah bagi menggantikan hukuman penjara yang mengkehendaki seseorang itu hadir pada setiap hari di pusat yang dinyatakan di dalam perintah tersebut dan mengaku janji untuk menjalankan kerja wajib untuk tempoh 3 bulan dan tidak melebihi 4 jam sehari (Akta Kehadiran Wajib Pesalah-Pesalah 1954 (Akta 461)). Manakala (Akta Kehadiran Wajib Pesalah-Pesalah (Pindaan) 2022 [Akta A1660] menerusi pindaan setahun kepada tiga tahun pemenjaraan, membolehkan seseorang pesalah PKW menjalankan kerja wajib untuk tempoh 12 bulan dan tidak melebihi 4 jam sehari.

“PKW adalah alternatif hukuman pemenjaraan kepada pesalah yang melakukan kesalahan tertentu untuk menjalani hukuman di luar penjara dengan melaksanakan “kerja wajib” tanpa menjejaskan kehidupan hariannya.”

### **4. Program Reintegrasi Penghuni (PRP)**

- (a) Akta Penjara 1995 Sek. 47 (1) “Seorang ODS yang dijatuhkan atau yang akan dijatuhkan sesuatu hukuman pemenjaraan semasa tempoh hukumannya itu adalah:
  - (i) Untuk menjalankan apa-apa kerja sebagaimana yang diarahkan oleh Pegawai Yang Menjaga dan setakat yang praktik, kerja itu hendaklah dijalankan:
    - 1) Di luar batasan penjara sebagaimana yang diluluskan oleh “Komisioner Jeneral”.

Program Reintegrasi Penghuni ini membawa maksud aktiviti pemulihan pesalah dilaksanakan di luar tembok penjara bagi pesalah yang layak dan memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan.

Program ini meliputi aktiviti pemulihan dan proses integrasi pesalah dalam komuniti seperti melakukan khidmat masyarakat, khidmat bakti berbayar, bekerja dalam perusahaan usahasama, di kilang-kilang, sektor perladangan dan pertanian, sektor penternakan, kursus-kursus atau aktiviti-aktiviti lain.

Jabatan Penjara Malaysia memperkenalkan *Corporate Smart Internship* (CSI) untuk Program Parol sejak 2017. Setiap Pegawai Parol dan Perkhidmatan Komuniti Daerah ditugaskan untuk mencari peluang pekerjaan bagi ODP dan melalui program ini, ODP akan diberikan latihan daripada aspek teori dan latihan di samping ditawarkan peluang pekerjaan.